

15/04/1997

Pelawaan sertai Anugerah Kualiti PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua organisasi dipelawa membuat permohonan untuk Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1997 yang dibuka mulai sekarang.

Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali berkata anugerah itu terbuka kepada sektor-sektor awam, sosioekonomi dan swasta.

Unit Pemodenan Tadbiran Awam Malaysia (Mampu) dilantik Urusetia bagi anugerah Sektor Awam manakala Urusetia bagi sektor SosioEkonomi ialah di Kementerian Belia dan Sukan.

Beliau berkata, Perbadanan Produktiviti Negara pula dilantik sebagai urusetia bagi Sektor Swasta. Sektor awam dikhaskan kepada organisasai seperti kementerian, jabatan dan badan berkanun sama ada di bawah kerajaan Pusat atau kerajaan negeri.

Pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM30,000, sebuah piala, sijil penghargaan dan kebenaran menggunakan logo `Q' selama tiga tahun berturut-turut.

Maklumat lanjut boleh didapati daripada urusetia itu iaitu Mampu di talian 03-2982066 (Normala Rahim), Kementerian Belia dan Sukan di talian 03-2552255 (Suroya Selamat) dan Perbadanan Produktiviti Negara di talian 03-7557266 (Pauzi Hanipi).

(END)